

Skwad khas siasat kesan pencemaran

Skwad dianggotai pakar dan pegawai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menyiasat jenis serta kesan pencemaran hingga jejaskan penduduk sekitar → **Ms.4, 5**

SUSULAN OPERASI KILANG HARAM DI PULAU PINANG

BH · 14/8/2017, MS · 4

Kementerian Alam Sekitar tubuh skuad khas

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

► Georgetown

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menubuhkan skuad khas bagi menjalankan siasatan terhadap operasi kilang pemrosesan habuk kayu yang beroperasi secara haram dekat Sungai Lembu, Penanti, sejak 10 tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata skuad berkenaan ditubuhkan bagi menyiasat jenis dan kesan pencemaran ekoran operasi kilang haram sehingga menjejaskan penduduk kawasan sekitar.

Katanya, keanggotaan skuad itu membabitkan beberapa pakar dan kakitangan dari ibu pejabat dengan perbincangan mengenai penubuhannya diadakan hari ini.

Keluarkan dua notis

"Ini kerana, kerajaan negeri dilihat tidak serius untuk menangani masalah ini, selain bimbang tindakan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang akan terkompromi dengan keputusan atau pendirian pentadbiran mereka.

"Malah, kita juga sudah mengambil tindakan awal dengan



Kerajaan negeri dilihat tidak serius untuk menangani masalah ini, selain bimbang tindakan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang akan terkompromi dengan keputusan atau pendirian pentadbiran mereka"

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

menjalankan beberapa penyelidikan yang dilakukan pihak ibu pejabat, selain mengeluarkan dua notis kepada syarikat terbabit," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Jumaat lalu, EXCO Pulau Pinang, Phee Boon Poh bersama pengarah dan pengurus sebuah kilang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan siasatan terhadap operasi sebuah kilang haram atas tanah pertanian di Sungai Lembu, Penanti.

Sedia bekerjasama dengan SPRM

Susulan itu, Boon Poh, 65, yang memegang portfolio Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri bersama dua individu terbabit direman selama lima hari, mulai kelmarin.

Wan Junaidi berkata, pihaknya bersedia bekerjasama bersama dengan SPRM dalam siasatan berhubung kes operasi kilang haram berkenaan.

"Ketika ini kita sedang menyiapkan kertas siasatan hasil penyelidikan awal yang sudah dilakukan pegawai JAS di Pulau Pinang.

"Laporan ini kemudian akan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara dalam masa terdekat untuk tindakan selanjutnya," katanya.

➔ Pakar siasat kesan pencemaran kilang haram proses habuk kayu